



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 2002

**PENGGUNAAN DAN PEMAKAIAN
DATA DICTIONARY SEKTOR AWAM (DDSA)
SEBAGAI STANDARD DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

Jabatan Perdana Menteri Malaysia
2 September 2002

Dikelilingkan kepada:

Ketua-Ketua Setiausaha, Kementerian-Kementerian Persekutuan
Ketua-Ketua Pengarah, Jabatan-Jabatan Persekutuan
Ketua Pengarah/Pengurus Besar Badan-Badan Berkanun
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Pihak-pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62505 PUTRAJAYA

Telefon: 603-88881199
Kawat: PERDANA
Fax: 603-88883721

Rujukan Kami: UPTM (S) 159/267/2-2 Klt. 5
Tarikh: 2 September 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 2002

PENGGUNAAN DAN PEMAKAIAN DATA DICTIONARY SEKTOR AWAM (DDSA) SEBAGAI STANDARD DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan penggunaan Data Dictionary Sektor Awam (DDSA) sebagai standard di semua agensi kerajaan serta menerangkan tindakan yang perlu diambil oleh agensi-agensi kerajaan dalam melaksanakannya.

LATAR BELAKANG

2. Kemajuan pesat bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi serta peningkatan pelaksanaan program pengkomputeran di agensi-agensi sektor awam telah mewujudkan keperluan untuk berkongsi maklumat dan mengintegrasikan sistem-sistem di kalangan agensi kerajaan. Perkara ini sukar dilakukan disebabkan tiada satu definisi dan format data yang standard yang boleh diguna pakai oleh semua agensi kerajaan.

3. Memandangkan perlunya diadakan definisi data yang standard bagi sektor awam, maka Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1999. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh MAMPU dan dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Tujuh kumpulan kerja telah ditubuhkan untuk membangunkan data dictionary bagi setiap kategori data yang dikenalpasti. Kumpulan-kumpulan kerja ini juga dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan kategori data dictionary yang dibangunkan.

4. Data dictionary yang telah dibangunkan oleh kumpulan-kumpulan kerja ini telah diluluskan untuk pelaksanaan di semua agensi kerajaan oleh Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bil. 1 Tahun 2001 pada 17 Mei 2001 bagi kategori Data Generik dan pada 4 Mac 2002 bagi kategori Data Spesifik.

DATA DICTIONARY SEKTOR AWAM

Apa itu Data Dictionary Sektor Awam?

5. Data Dictionary didefinisikan sebagai keterangan tentang data. Ianya digunakan untuk merujuk kepada kandungan data berkenaan. DDSA menetapkan keterangan data yang standard untuk diguna pakai oleh agensi-agensi sektor awam. Standard yang ditetapkan di bawah DDSA adalah minima iaitu nama elemen data, alias (nama lain elemen data), keterangan ringkas data, saiz elemen data, jenis medan dan rasional bagi elemen data tersebut. Agensi-agensi bolehlah memasukkan elemen-elemen lain mengikut keperluan aplikasi masing-masing.

Jenis Standard Data Dictionary Sektor Awam

6. Terdapat dua jenis standard bagi DDSA iaitu “definisi data” dan “pematuhan format data”.

- a. Definisi data merujuk kepada cara standard untuk menerangkan sesuatu data itu.

Contoh:

Bagi elemen data “nama”, standard yang ditetapkan ialah “nama seperti yang terdapat di dalam kad pengenalan” atau “nama seperti di dalam pasport bagi warganegara asing” atau “nama seperti di dalam sijil lahir bagi mereka yang berumur kurang dari 12 tahun”.

- b. Pematuhan format data pula adalah berkaitan dengan kandungan sesuatu data tersebut. Ini bermakna sesuatu elemen data selain mempunyai nama yang sama juga mesti mematuhi format yang sama iaitu dari segi saiz medan dan jenis medan.

Contoh:

Bagi elemen data “kod negeri”, saiz medan yang ditetapkan ialah 2 digit dan jenis medan ialah numerik.

Kategori Data

7. Dalam pembangunan DDSA, data telah dibahagikan kepada dua (2) kategori utama iaitu **Data Generik** dan **Data Aplikasi Spesifik**.

a. **Data Generik** merupakan data asas yang boleh digunakan bagi aplikasi-aplikasi yang berlainan. Data tersebut terdiri daripada:

* **Biodata Peribadi:**

Contoh: Nama, Nombor Kad Pengenalan, Umur dan Alamat.

* **Data Organisasi Kerajaan:**

Contoh: Kementerian, Jabatan, Negeri, Daerah, Bandar, Kawasan Parlimen dan Kawasan Dewan Undangan Negeri.

b. **Data Aplikasi Spesifik** pula merupakan data yang berkaitan secara khusus bagi sesuatu aplikasi. Data aplikasi spesifik yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

* **Data Pengurusan Personel:**

- **Data Biodata:**

Biodata, Keluarga, Sejarah Perubatan, Ketidakupayaan, Anugerah, Pencapaian Pendidikan, Pekerjaan Terdahulu, Akaun, Bahasa dan Lain-lain.

- **Data Profil Perkhidmatan:**

Profil Perkhidmatan dan Sandangan.

- **Data Perjawatan:**

Tugas, Skop Bidang Kuasa, *Key Performance Indicators*, *Key Result Areas*, Kompetensi Yang Diperlukan, Kriteria, Sumber Logistik, Unit Bisnes, Aktiviti Bisnes, Skim Perkhidmatan, Gred Gaji dan Lain-lain.

* **Data Pengurusan Projek:**

Data Maklumat Am, Maklumat Projek, Maklumat Subprojek, Maklumat Kontrak, Maklumat Kontraktor dan Maklumat Konsultan.

* **Data Tanah dan GIS (*Geographic Information System*):**

Persempadanan, Built Environment, Relief, Pengangkutan, Hidrografi, Tumbuh-Tumbuhan, Utiliti, Geosoil dan Kajian.

* **Data Kewangan:**

Kod Elaun dan Potongan Gaji, Kod Bank dan Lain-lain.

* **Data Perdagangan:**

- **Data Barangan:**

Jenama, Model, Nombor Siri, Harga Seunit, Nilai FOB dan Lain-lain.

- **Data Dokumen:**

Nombor Invois, Tarikh Invois, Nombor Permit/Lesen dan Lain-lain.

- Data Organisasi:

Jenis Organisasi, Nama Penghantar, Alamat Penghantar, Nama Penerima, Alamat Penerima, Nama Pengimport, Alamat Pengimport, Nama Pengeksport, Alamat Pengeksport, Nama Agen, Alamat Agen, Kod Agen dan Lain-lain.

*** Data Perolehan dan Pengurusan Aset:**

Nama Aset, Kod Aset, Tarikh Perolehan Aset dan Lain-lain.

FAEDAH-FAEDAH DIPEROLEHI DARI PENGGUNAAN DATA DICTIONARY YANG STANDARD

8. Secara keseluruhannya pelaksanaan penggunaan DDSA ini akan memberi faedah-faedah berikut:

- a. Memudahkan pelaksanaan dan pengintegrasian sistem-sistem aplikasi di dalam dan di antara agensi;
- b. Memudahkan pertukaran data antara agensi-agensi kerajaan;
- c. Membantu agensi-agensi kerajaan dalam pembangunan sistem aplikasi;
- d. Membenarkan pengguna-pengguna untuk berkomunikasi antara satu dengan lain menggunakan definisi dan format data yang sama;
- e. Menyediakan asas untuk melaksanakan dokumentasi yang standard di agensi-agensi kerajaan; dan
- f. Memudahkan perhubungan antara sektor awam dan sektor swasta melalui penggunaan definisi data yang standard.

9. Dengan wujudnya DDSA ini, Sektor Awam Malaysia akan mempunyai satu standard yang boleh diguna pakai oleh semua agensi yang juga akan memudahkan usaha-usaha “system integration dan interoperability” antara agensi-agensi sektor awam.

KAEDAH PEMBENTUKAN DATA DICTIONARY SEKTOR AWAM

10. Bagi membentuk DDSA, Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam yang terdiri dari MAMPU dan agensi-agensi kerajaan telah ditubuhkan untuk merancang, memantau dan menyelaras pembangunan data dictionary tersebut. Di bawah Jawatankuasa ini, tujuh kumpulan kerja telah ditubuhkan bagi membangunkan data dictionary bagi kategori data yang berlainan. Sila rujuk **Gambarah 1** yang dilampirkan.

11. DDSA adalah dibangunkan secara usahasama antara MAMPU dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Bagi Data Generik pembangunan data dictionary diketuai bersama oleh MAMPU dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan ahli-ahlinya terdiri dari berbagai agensi berkaitan. Pembangunan data dictionary data generik dibangunkan oleh Kumpulan Kerja 1 (WG1).
12. Bagi Data Aplikasi Spesifik pula, pembangunan data dictionary diketuai oleh agensi-agensi utama yang menjana data tersebut. Pembangunan data dictionary pengurusan sumber manusia (HRMIS) dibangunkan oleh Kumpulan Kerja 2 (WG2) dan diketuai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pembangunan data dictionary pengurusan projek (PMS) dibangunkan oleh Kumpulan Kerja 3 (WG3) dan diketuai oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri. Pembangunan data dictionary tanah dan GIS dibangunkan oleh Kumpulan Kerja 4 (WG4) dan diketuai oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Pembangunan data dictionary kewangan dibangunkan oleh Kumpulan Kerja 5 (WG5) dan diketuai oleh Jabatan Akauntan Negara. Pembangunan data dictionary perdagangan dibangunkan oleh Kumpulan Kerja 6 (WG6) dan diketuai oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia sementara pembangunan data dictionary perolehan dan pengurusan aset pula dibangunkan oleh Kumpulan Kerja 7 (WG7) dan diketuai oleh Perbendaharaan Malaysia.
13. Bidang tugas dan agensi-agensi yang menganggotai Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam adalah seperti di **Lampiran A1** sementara bidang tugas dan agensi-agensi yang menganggotai kumpulan-kumpulan kerja yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran A2-A8**.
14. Kumpulan kerja untuk kumpulan data yang lain akan diwujudkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

TANGGUNGJAWAB AGENSI

15. Semua agensi kerajaan adalah dikehendaki mengguna pakai DDSA yang telah disediakan bagi semua sistem aplikasi baru yang akan dibangunkan dan sistem-sistem legacy yang sedia ada di agensi masing-masing. Untuk maksud ini, semua Ketua Jabatan adalah diminta untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - a. Memastikan bahawa sistem aplikasi baru yang akan dibangunkan atau diperolehi mengguna pakai DDSA yang telah ditetapkan
 - b. Memastikan bahawa sistem-sistem yang sedang dilaksanakan (legacy) menggunakan standard ini secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan sama ada semasa peningkatan sistem atau pertukaran (conversion) sistem. Bagi agensi-agensi yang mempunyai keupayaan untuk membuat pertukaran data tanpa menunggu pertukaran sistem, adalah digalakkan mengguna DDSA dengan segera;

- c. Mengemukakan sebarang cadangan tambahan data yang perlu ditetapkan di bawah DDSA kepada MAMPU selaku Urusetia Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam; dan
- d. Agensi-agensi bolehlah merujuk kepada laman web MAMPU di <http://www.mampu.gov.my/DDSA/Intro.htm> untuk mendapatkan maklumat lanjut serta panduan penggunaan DDSA.

KHIDMAT NASIHAT

- 16. Sebarang kemusykilan berkaitan Surat Pekeliling ini bolehlah dirujuk kepada Bahagian Dasar dan Perancangan ICT, MAMPU.

PEMAKAIAN

- 17. Pekeliling Am ini pada keseluruhannya ditujukan kepada semua agensi-agensi Persekutuan, agensi-agensi Negeri, Kerajaan Tempatan dan badan-badan berkanun untuk diterima pakai.

TARIKH KUATKUASA

- 18. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluaran pekeling ini.



"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Ketua Setiausaha Negara

Gambarajah 1

KAEDAH BAGI PEMBENTUKAN DATA DICTIONARY SEKTOR AWAM (DDSA)



- Data dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu data generik dan data aplikasi spesifik.
- Kumpulan kerja ditubuhkan bagi membangunkan DDSA bagi setiap kategori data.
- Perancangan dan penyelarasan pembangunan DDSA oleh kumpulan-kumpulan kerja dilaksanakan oleh Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam.

Lampiran A1

Keahlian dan Bidang Tugas Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam

Keahlian
MAMPU (Pengerusi)
Kementerian Pendidikan
Jabatan Pendaftaran Negara
Jabatan Pengangkutan Jalan
Jabatan Akauntan Negara
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Kementerian Kesihatan
Jabatan Imigresen
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi
Kementerian Kewangan
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
Suruhanjaya Pilihanraya
Perpustakaan Negara Malaysia
Jabatan Perangkaan
SIRIM Berhad
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Perbadanan Pembangunan Multimedia
MAMPU (Urusetia)

Bidang Tugas	
1.	Merancang, memantau dan menyelaras pembentukan data dictionary standard bagi sektor awam;
2.	Mewujudkan garis panduan bagi pembentukan definisi data yang standard;
3.	Mengenalpasti jenis-jenis aplikasi yang boleh dimasukkan di dalam data dictionary standard;
4.	Membentuk kumpulan-kumpulan kerja bagi setiap jenis aplikasi;
5.	Mengesyorkan pengesahan data dictionary yang standard bagi sektor awam kepada Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK);
6.	Mendapatkan pengesahan dari SIRIM sebagai Malaysian Standards; dan
7.	Menggalakkan polisi penggunaan bagi pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam di kalangan agensi-agensi kerajaan.

**Keahlian dan Bidang Tugas Kumpulan Kerja 1 (Data Generik)
Data Dictionary Sektor Awam**

Nama Agensi
MAMPU (Pengerusi)
Jabatan Pendaftaran Negara (Pengerusi Bersama)
SIRIM Berhad
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi
Kementerian Pendidikan
Jabatan Pendaftaran Negara
Jabatan Perkhidmatan Awam
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
Lembaga Hasil Dalam Negeri
Jabatan Perangkaan
Jabatan Akauntan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia
Jabatan Pengangkutan Jalan
Kementerian Kesihatan
Perbendaharaan Malaysia
Suruhanjaya Pilihanraya
Perbadanan Pembangunan Multimedia (Ahli Jemputan)
MAMPU (Urusetia)

Bidang Tugas	
1.	Menyediakan standard bagi definisi dan format data generik bagi agensi-agensi kerajaan;
2.	Mengesyorkan pengesahan data dictionary yang standard bagi data generik kepada Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam;
3.	Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya data generik dan mencadangkan penyelesaiannya; dan
4.	Menggalakkan polisi penggunaan bagi pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya data generik di kalangan agensi-agensi kerajaan.

Lampiran A3

Keahlian dan Bidang Tugas Kumpulan Kerja 2 (Pengurusan Sumber Manusia) Data Dictionary Sektor Awam

Nama Agensi
Jabatan Perkhidmatan Awam (Pengerusi)
MAMPU
Kementerian Pendidikan
Jabatan Tenaga Rakyat
Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Sumber Manusia
Kementerian Pertahanan
Polis Diraja Malaysia
Jabatan Akauntan Negara
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
MRCB Multimedia Consortium Sdn. Bhd. (Ahli Jemputan)
Jabatan Perkhidmatan Awam (Urusetia)

Bidang Tugas	
1.	Menyediakan standard bagi definisi dan format data pengurusan sumber manusia bagi agensi-agensi kerajaan;
2.	Mengesyorkan pengesahan data dictionary yang standard bagi data pengurusan sumber manusia kepada Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam;
3.	Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya data pengurusan sumber manusia dan mencadangkan penyelesaiannya;
4.	Mengalakkan polisi penggunaan bagi pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya data pengurusan sumber manusia di kalangan agensi-agensi kerajaan; dan
5.	Mengemukakan sebarang cadangan sama ada untuk menambah atau membetulkan data kepada MAMPU selaku Urusetia Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam.

Keahlian dan Bidang Tugas Kumpulan Kerja 3 (Pengurusan Projek) Data Dictionary Sektor Awam

Nama Agensi
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (Pengerusi)
Unit Perancang Ekonomi
MAMPU
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pendidikan
Kementerian Kesihatan
Jabatan Akauntan Negara
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (Urusetia)

Bidang Tugas	
1.	Menyediakan standard bagi definisi, format dan struktur kod aturcara bagi maklumat projek bagi agensi-agensi kerajaan;
2.	Mengesyorkan pengesahan data dictionary yang standard bagi maklumat projek kepada Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam;
3.	Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya bagi maklumat projek dan mencadangkan penyelesaiannya;
4.	Merangka polisi berkenaan dengan penggunaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya maklumat projek;
5.	Menggalakkan penggunaan data dictionary yang standard khususnya bagi maklumat projek di kalangan agensi-agensi kerajaan; dan
6.	Mengemukakan sebarang cadangan sama ada untuk menambah atau membetulkan data kepada MAMPU selaku Urusetia Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam.

Lampiran A5

Keahlian dan Bidang Tugas Kumpulan Kerja 4 (Tanah & GIS) Data Dictionary Sektor Awam

Nama Agensi
National infrastructure for Land Information System - NaLIS (Pengerusi)
Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor
Jabatan Minerals & Geosains
Jabatan Pengairan dan Saliran
Jabatan Perhutanan
Jabatan Pertanian
Jabatan Arah Hidrografi
Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Jabatan Perangkaan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Jabatan Kerja Raya
Pusat Remote Sensing Negara
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Jabatan Pertanian Sarawak
Jabatan Tanah dan Ukur Sabah
Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
National infrastructure for Land Information System - NaLIS (Urusetia)

Bidang Tugas	
1.	Merancang dan menetapkan kod-kod tanah dan GIS bagi sektor awam;
2.	Menyediakan standard bagi definisi, format dan struktur koding data tanah dan GIS bagi agensi-agensi kerajaan (Mewujudkan Metadata Standard NaLIS berdasarkan ISO/TC211 dan standard penukaran data berdasarkan Standard Malaysia GIS MS 1074 dan ISO TC/211);
3.	Mengesyorkan pengesahan data dictionary standard bagi data tanah dan GIS kepada Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam;
4.	Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya bagi data tanah dan GIS dan mencadangkan penyelesaiannya; dan
5.	Mengemukakan sebarang cadangan sama ada untuk menambah atau membetulkan data kepada MAMPU selaku Urusetia Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam.

Lampiran A6

Keahlian dan Bidang Tugas Kumpulan Kerja 5 (Kewangan) Data Dictionary Sektor Awam

Nama Agensi
Jabatan Akauntan Negara (Pengerusi)
Jabatan Pendaftaran Negara
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
MAMPU
Kementerian Kewangan
Jabatan Akauntan Negara (Urusetia)

Bidang Tugas	
1.	Merancang dan menetapkan kod-kod kewangan bagi sektor awam;
2.	Menyediakan standard bagi definisi, format dan struktur kod data kewangan bagi agensi-agensi kerajaan;
3.	Mengesyorkan pengesahan data dictionary standard bagi data kewangan kepada Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam;
4.	Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya bagi data kewangan dan mencadangkan penyelesaiannya; dan
5.	Mengemukakan sebarang cadangan sama ada untuk menambah atau membetulkan data kepada MAMPU selaku Urusetia Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam.

Lampiran A7

Keahlian dan Bidang Tugas Kumpulan Kerja 6 (Perdagangan) Data Dictionary Sektor Awam

Nama Agensi
Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Pengerusi)
MAMPU
Perbendaharaan Malaysia
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
SIRIM Berhad
Jabatan Perangkaan
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Jabatan Pengangkutan Jalan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Urusetia)

Bidang Tugas	
1.	Menyediakan standard bagi definisi dan format data perdagangan bagi agensi-agensi kerajaan;
2.	Mengesyorkan pengesahan data dictionary yang standard bagi data perdagangan kepada Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam;
3.	Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya data perdagangan dan mencadangkan penyelesaiannya;
4.	Mengalakkan polisi penggunaan bagi pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya data perdagangan di kalangan agensi-agensi kerajaan; dan
5.	Mengemukakan sebarang cadangan sama ada untuk menambah atau membetulkan data kepada MAMPU selaku Urusetia Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam.

Lampiran A8

Keahlian dan Bidang Tugas Kumpulan Kerja 7 (Perolehan dan Pengurusan Aset) Data Dictionary Sektor Awam

Nama Agensi
Bahagian Kawalan & Pemantauan, Perbendaharaan Malaysia (Pengerusi)
MAMPU
Kementerian Pertahanan
Bahagian Logistik Pertahanan – MAFA, Kementerian Pertahanan
Kementerian Pertanian
Kementerian Kerja Raya
Kementerian Pendidikan
Bahagian Perolehan & Penswastaan, Kementerian Kesihatan
Jabatan Logistik, Polis Diraja Malaysia
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Unit ePerolehan, Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan
Bahagian Khidmat Nasihat Kewangan, Perbendaharaan Malaysia
Bahagian Kawalan & Pemantauan, Perbendaharaan Malaysia (Urusetia)

Bidang Tugas	
1.	Menyediakan standard bagi definisi dan format data perolehan dan pengurusan aset bagi agensi-agensi kerajaan;
2.	Mengesyorkan pengesahan data dictionary yang standard bagi data perolehan dan pengurusan aset kepada Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam;
3.	Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya kategori data perolehan dan pengurusan aset dan mencadangkan penyelesaiannya;
4.	Menggalakkan polisi penggunaan bagi pelaksanaan Data Dictionary Sektor Awam khususnya data perolehan dan pengurusan aset di kalangan agensi-agensi kerajaan; dan
5.	Mengemukakan sebarang cadangan sama ada untuk menambah atau membetulkan data kepada MAMPU selaku Urusetia Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam.